

04 JUL 2000

RAKYAT DIMINTA KETEPIKAN PERBEZAAN KETIKA BULAN KEMERDEKAAN

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Bulan Kemerdekaan hendaklah disambut rakyat negara ini dengan azam untuk mengeratkan persamaan dan mengeneppikan perbezaan fahaman, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Untuk setiap tahun mulai tahun ini kita harap 22 juta rakyat dapat meningkatkan persamaan dan melupakan semua perbezaan fahaman seperti politik dan agama," katanya hari ini.

Menurut beliau pelbagai aktiviti telah disusun sempena Bulan Kemerdekaan mulai 17 Ogos hingga 16 Sept yang akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir akan turut melancarkan kempen Kibar Jalur Gemilang pada majlis pelancaran bulan itu 17 Ogos depan menjelang Hari Kebangsaan 31 Ogos. Penutupan bulan itu akan diadakan pada 16 Sept di Kota Kinabalu.

Aktiviti seperti mengibarkan bendera, bersama melaungkan "Merdeka" dan menyanyi "Negaraku" sepanjang bulan ini diharap dapat menerapkan semangat persamaan itu, katanya pada sidang media selepas mesyuarat bersama Jawatankuasa Induk Perayaan Bulan Kemerdekaan ke-43 dan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Karnival Jualan Mega Malaysia di sini.

Kadir berkata semua bandar dan desa diminta menyertai program pengindahan sempena Bulan Kemerdekaan bagi memastikan seluruh negara berada dalam keadaan ceria.

-- BERNAMA

RZS/KAY AHH RON